



**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN MALAYSIA**

JAWATAN KOSONG ANGGOTA PROJEK FAMA

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) adalah sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut :

1. Kerani Pentadbiran - 1 Kekosongan

Taraf Jawatan	:	Anggota Projek FAMA (Kontrak)
Penempatan	:	Pejabat FAMA Negeri Kelantan
Gred / Jadual Gaji	:	Gred K1

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,324.95	RM3,291.20	RM65.00

Elaun – Elaun : Elaun Kedatangan : RM75.00 Sebulan

Syarat Lantikan : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang setara;
- iii) Berumur antara 21 hingga 35 tahun;
- iv) Calon hendaklah *familiar* dengan kawasan tempatan dan boleh bertutur serta memahami bahasa komuniti setempat;
- v) Mempunyai kemahiran dalam MS Office (MS Word, MS Excel dan MS Power Point);
- vi) Mempunyai pengalaman dalam pengurusan data (*data entry*, *data cleansing* dan lain-lain yang berkaitan);
- vii) Berinisiatif, rajin, berdikari, terbuka menerima teguran, kemahiran komunikasi yang baik, menepati masa, dan bersedia belajar perkara baharu;
- viii) Keutamaan kepada calon yang mempunyai lesen memandu dan pengangkutan sendiri;
- ix) Sihat tubuh badan.

- Bidang Tugas** :
- i) Melaksanakan kutipan data lapangan dan kemasukan data ke dalam *Google Form*.
 - ii) Membantu dan mendapatkan, menyusun dan membersihkan data sekunder pemasar agar data awal dapat disediakan dengan lengkap.
 - iii) Membantu gerak kerja persiapan kajian agar pelaksanaan kutipan data di lapangan dapat dilaksana dalam garis masa yang ditetapkan.
 - iv) Membantu menyelia pengurusan kutipan data agar gerak kerja kajian dapat dilaksana secara teratur.

- v) Membantu gerak kerja pencarian dan lantikan pembanci.
- vi) Membantu menyemak borang soal selidik bagi memastikan jawapan memenuhi kehendak soalan.
- vii) Urusetia mesyuarat/taklimat/bengkel berkaitan.
- viii) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON :

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dalam **Borang FAMA 1-08p**.
- (b) Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Lesen Memandu, Sijil SPM/SRP/PMR/PT3/Diploma, Sijil Persekolahan **yang telah disahkan** dan lain-lain keterangan kelayakan yang disyaratkan.
- (c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Kuasa-kuasa Tempatan hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing yang disertakan dengan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini.
- (d) Semua permohonan hendaklah dinyatakan jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat.
- (e) Permohonan hendaklah sampai kepada:

Pejabat FAMA Negeri Kelantan,
Lot 3309, Batu 4, Lebuhraya Pasir Mas-
Salor, 15150 Kota Bharu,
Kelantan

Sebelum atau pada : **19 JANUARI 2025 (AHAD)**

CATATAN AM :

Calon-calon di ingatkan bahawa hanya mereka yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **6 bulan** dari tarikh tutup iklan, hendaklah menganggap permohonan mereka **tidak berjaya**.